



Rujukan kami : JPK.702-2/6/1 ( 9 )

Tarikh : 14 Mac 2022

## KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

### NOTIS MAKLUMAN KELEWATAN PENGELUARAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (SKM) UJIAN TANPA MUSNAH (NDT)

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan persijilan telah diluluskan oleh Mesyuarat Permohonan Persijilan NDT Bil. 2/2022 yang telah bersidang pada 23 Februari 2022.

3. Walau bagaimanapun, urusan percetakan sijil SKM NDT bagi sesi mesyuarat tersebut mengalami kelewatan disebabkan oleh pengosongan tempat Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran (KPPK) bermula 15 Februari 2022. Oleh itu, sijil SKM hanya akan dikeluarkan setelah KPPK baharu dilantik dalam masa terdekat.

4. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini boleh diajukan kepada En. Hisham bin Taja Ariffin melalui emel [hisham.ta@mohr.gov.my](mailto:hisham.ta@mohr.gov.my) atau di talian 03-8886 2466. Segala kesulitan amat dikesali. Sekian untuk makluman dan perhatian pihak tuan.

Terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“Pembudayaan Norma Baharu dalam Dunia Pekerjaan Sejagat”**

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD SUKRI BIN ISMAIL)

Pengarah

Bahagian Persijilan Kompetensi (BPK)

Jabatan Pembangunan Kemahiran



## **SALINAN KEPADA**

1. Ketua Pengarah  
**Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (LPTA)**  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi  
Batu 24, Jalan Dengkil,  
43800 Dengkil, Selangor

**U.p. : Pengarah Penguatkuasaan**